# PUSAT DARAH NEGARA
# KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## KENYATAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempohnya dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi menyertai sebut harga berikut:-

| NO TENDER | TAJUK/ KOD BIDANG PENDAFTARAN | KAEDAH PEROLEHAN | TARIKH, MASA DAN TEMPAT PENDAFTARAN |
|---|---|---|---|
| **PDN(T)04/2017** | **Tender Pembekalan Reagen Dan Peralatan Untuk Ujian Saringan Darah Secara *Fully Automated Immunoassay* (IA) Bagi Reagen *Ujian HBsAg (IA) Test Kit, HIV 1&2 Ag/Ab (IA) Test Kit, Anti-HCV (IA) Test Kit* di Pusat Darah Negara dan Pusat-Pusat Saringan Darah Seluruh Malaysia**<br><br>**Kod Bidang:**<br>**060101 dan 060501** | **Secara ePerolehan**<br><br>**Tarikh Tutup:**<br>**9 November 2017** | **Tarikh :**<br>**19/10/2017 – 09/11/2017**<br><br>**Masa : 9.00am – 4.30pm**<br><br>**Tempat :**<br>**Telecenter, Unit Perolehan, Aras 1, Bah. Pengurusan,**<br>**Pusat Darah Negara,**<br>**Jalan Tun Razak,**<br>**50400 Kuala Lumpur** |

1. **Dokumen Tender** boleh diperolehi di laman web **www.eperolehan.com.my**. Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled.* Nombor Rujukan yang dijana oleh sistem ePerolehan boleh diperolehi di Unit Perolehan di alamat seperti di atas mulai **19 Oktober 2017.**

2. Kehadiran **PENAMA** untuk pendaftaran adalah **DIWAJIBKAN.** Kegagalan untuk hadir mendaftar tender ini akan menyebabkan tawaran tender ini **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.** Syarikat hanya boleh diwakili oleh **PENAMA** di dalam **Sijil Pendaftaran Kewangan**. Syarikat **TIDAK BOLEH** diwakili selain daripada penama. Pengurus syarikat/Penama juga dikehendaki membawa **Sijil Asal** bagi **Pendaftaran Syarikat**, **Pendaftaran Kementerian Kewangan** dalam **kod bidang** seperti di atas dan **Sijil Taraf Bumiputera** (jika bertaraf bumiputera) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempohnya dan menyerahkan **sesalinan sijil** berkenaan(tidak dikembalikan) untuk **Pengesahan Pendaftaran**.

3. Cadangan Teknikal dan Cawangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan cadangan ini perlu dikemukakan secara manual **sebelum atau pada tarikh tutup tender Jam 12.00 tengahari.**

4. Dokumen sokongan yang lain (seperti katalog, profil syarikat dan lain-lain) hendaklah dimasukkan ke dalam dua(2) sampul yang berlainan serta dicatatkan Nombor Cadangan Pembekal dan Nombor Tender pada penjuru **kiri sampul surat bagi** kedua-dua sampul surat. Kedua-dua sampul surat hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul besar dan dimasukkan ke dalam peti tender **tidak lewat daripada tarikh 9 November 2017, jam 12.00 tengahari** di:-

**Peti Tender**
**Unit Pentadbiran**
**Tingkat 1, Bahagian Pengurusan**
**Pusat Darah Negara, Jalan Tun Razak**
**50400 Kuala Lumpur.**
**Tel No : 03 - 2613 2688 Ext: 5639, Pn. Nor Intan Binti Abdul Rasid (Unit Perolehan)**

5. Pusat Darah Negara tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender. Semua perbelanjaan bersabit dengan Tender ini adalah tanggungjawab pembekal sendiri. Syarikat/Firma/Pemilikan Tunggal hendaklah mengambil perhatian bahawa kadar fi perkhidmatan sebanyak **0.8%** bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600.00 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi perolehan atau kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (one time payment); atau kadar fi perkidmatan sebanyak **0.4%** bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM4,800 bagi setiap transaksi bayaran yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) sama ada melalui Jadual Penghantaran (*Delivery Schedule*), Pencapaian Perkhidmatan (*Milestone*), Bayaran Kemajuan (*Progressive Payment*) atau mengikut permintaan (*as-and-when-required*) yang ditetapkan dalam tempoh kontrak.

6. Sila bawa bersama **Cop Syarikat** semasa pendaftaran.